



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**PROJEK MyGENOM:
KKM DAN MOSTI PERKUKUH KETERANGKUMAN KAUM MELALUI
PEGUMPULAN DATA DEMI KESIHATAN BERASASKAN DATA**

Sungai Siput, 28 Ogos 2025

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** hari ini melancarkan fasa pengumpulan data Projek MyGENOM di kalangan komuniti Orang Asli, sebagai langkah memperkukuh keterangkuman kaum dalam membina aset genom negara demi kesihatan berasaskan data yang lebih adil, tepat, dan mampan.

Selaras dengan aspirasi **Kertas Putih Kesihatan** dan kerangka **Malaysia MADANI**, Projek MyGenom diterajui oleh **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** sebagai usaha strategik membina **aset genom negara** bagi memperkasa sistem kesihatan berasaskan data dan teknologi. MyGenom dilaksanakan di bawah **Dasar Bioteknologi Negara 2.0 (DBN 2.0)** melalui **Program Perdana 4** yang menumpukan kepada penggunaan teknologi omik dan terapi bersasar untuk kesihatan awam.

KKM bertanggungjawab terhadap persampelan dan analisis genomik berkaitan kesihatan awam, manakala MOSTI melalui **Malaysian Genome and Vaccine Institute (MGVI)** di bawah **National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM)** memacu aspek **penjujukan genom** menggunakan kemudahan berteknologi tinggi.

Projek MyGenom bertujuan menghasilkan **genom rujukan** Malaysia untuk menyokong strategi pencegahan penyakit, inovasi perubatan dan pembangunan dasar kesihatan yang tepat. Pendekatan rentas kementerian antara KKM dan MOSTI memastikan persampelan komuniti dilaksanakan secara inklusif dan beretika, melalui pelbagai saluran termasuk pusat pengambilan darah, program komuniti luar bandar, kempen derma darah, serta kempen saringan kesihatan di peringkat komuniti.

Sejak dilancarkan, MyGENOM telah berjaya melaksanakan pengumpulan data di beberapa negeri, termasuk di Sabah dan Sarawak. Penduduk di kedua-dua negeri tersebut termasuk Kadazan-Dusun, Bajau, Murut, Iban, Bidayuh dan

Melanau memberikan kerjasama yang sangat memberangsangkan. Penyertaan yang tinggi membuktikan komitmen bersama untuk memastikan data genom negara benar-benar inklusif dan mencerminkan kepelbagaian etnik Malaysia. Pelaksanaan di Sabah dan Sarawak juga menjadi bukti keberkesanan pendekatan komuniti-dahulu yang diterapkan oleh MyGENOM. Proses pengumpulan data dilaksanakan secara sukarela, beretika, dan berlandaskan persetujuan termaklum, dengan menghormati sensitiviti budaya tempatan.

Pendekatan yang sama kini diteruskan dalam komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia, dengan matlamat merangkumi pelbagai suku kaum dari tiga daerah di Perak seterusnya di Pahang dan Selangor. Dengan mewakili suku kaum seperti Jakun, Temuan, Bateq, Jahai, Semai dan Temiar, MyGENOM memastikan aset genom negara benar-benar mencerminkan keseluruhan kepelbagaian genetik Malaysia.

Progres Rekrut dan Penjujukan:

Fasa 1:

- a) Berjaya merekrut **hampir 4,000 peserta** (Semenanjung, Sabah dan Sarawak) (sasaran 5,000 peserta). Diketuai oleh Institut Kesihatan Negara (NIH) dan **Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)** memfokus kepada komuniti kurang diwakili termasuk **Bumiputera Sabah, Sarawak dan Orang Asli**.
- b) MOSTI melalui NIBM: berperanan penting dalam **penjujukan genom secara tempatan**. Setakat 13 Ogos 2025, sebanyak **1,200 genom telah berjaya dijujuk** dalam negara dengan kerjasama teknikal KKM.

Fasa 2:

Mensasarkan **10,000 genom rakyat Malaysia** pelbagai etnik, lokaliti dan latar belakang. Ini penting untuk mencegah bias dalam pemahaman penyakit dan tindak balas rawatan. Data genomik ini bakal diguna secara berfasa dalam pengurusan penyakit kronik seperti jantung, kanser, diabetes serta penyakit jarang jumpa. MyGenom juga membuka ruang kepada **pembangunan tenaga kerja mahir** dalam bidang genomik dan bioteknologi kesihatan, serta **kerjasama penyelidikan merentas institusi** termasuk di peringkat antarabangsa.

KKM dan MOSTI menyeru sokongan dan penglibatan semua pihak ini demi meletakkan **genomik sebagai teras sistem kesihatan masa depan** yang mampan, inklusif dan berasaskan teknologi. Selaras dengan slogan “**Our Diversity, Our Genes, Our Future**”, kerajaan percaya bahawa **kepelbagaian genetik rakyat Malaysia adalah aset strategik** yang perlu diterokai secara inklusif dan bertanggungjawab demi **keadilan kesihatan dan kesejahteraan generasi akan datang**. Ini bertepatan dengan nilai MADANI - *Kemampanan, kesejahteraan dan Daya Cipta*.

- TAMAT -

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia**